

31/03/2002

Badan khas pantau rasuah sektor awam

PUTRAJAYA: Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman mahu sektor perkhidmatan awam peringkat negeri menubuhkan jawatankuasa khas bagi memantau masalah rasuah di kalangan kakitangannya.

Setakat ini, katanya jawatankuasa itu hanya wujud pada peringkat Kabinet dan jabatan-jabatan awam peringkat persekutuan dan pihaknya ada tersendiri untuk menangani masalah itu.

"Kita sudah ada jawatankuasa kabinet mengenai keutuhan pengurusan yang ditubuhkan untuk meningkatkan keutuhan dalam perkhidmatan awam. Tapi kita juga berharap jawatankuasa serupa diwujudkan di peringkat negeri," katanya selepas majlis penyerahan Buku Panduan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 2002 di sini, semalam.

Samsudin menerima buku panduan JPA 2002 itu daripada Ketua Pengarah JPA, Datuk Seri Jamaluddin Ahmad Damanhuri sempena `Sehari JPA bersama Pelanggan`.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada majlis dialog dengan kakitangan kerajaan di Selangor semalam, yang meminta kakitangan awam menerapkan amalan bebas rasuah dalam tugas harian bagi memastikan jentera pentadbiran berjalan lancar.

Samsudin berkata matlamat utama penubuhan jawatankuasa itu adalah untuk meningkatkan keutuhan kerja kakitangan awam menerusi penelitian semula prosedur kerja dan peraturan untuk kemudahan orang ramai.

Selain itu katanya, ketua-ketua jabatan juga perlu mengadakan ceramah dan seminar secara berterusan bagi menjelaskan penerapan nilai-nilai murni di kalangan kakitangannya.

Terdahulu, pada majlis itu inisiatif JPA untuk mengeluarkan buku-buku panduan dan prosedur perkhidmatan oleh JPA adalah contoh terbaik dalam mengamalkan keutuhan dalam perkhidmatan awam.

Buku Panduan JPA 2002 itu diberikan percuma kepada pelanggan yang mengunjungi program bulanan `JPA Bersama Pelanggan` pada Sabtu terakhir setiap bulan.

Edisi pertama buku itu mengandungi 33 siri panduan dan prosedur perkhidmatan JPA termasuk Panduan Menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Awam, Panduan Perakuan Tindakan Tatatertib, Panduan Biasiswa dalam dan Luar Negeri JPA, Panduan Pembayaran Balik Pinjaman JPA dan Panduan Urusan Kenaikan Pangkat dan Pemangkuan.

Beliau yang gembira dan memuji langkah proaktif JPA itu, turut mengarahkan semua agensi kerajaan dan kementerian mengikut langkah proaktif pengurusan agensi induk berkenaan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kaunter masing-masing.

(END)